

TABLET INDERAL®

Propranolol hidroklorida 10 mg & 40 mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan tablet Inderal
2. Bagaimana tablet Inderal bertindak
3. Sebelum mengambil tablet Inderal
4. Cara menggunakan tablet Inderal
5. Semasa menggunakan tablet Inderal
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan tablet Inderal
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan tablet Inderal

Tablet Inderal boleh digunakan untuk merawat pelbagai penyakit termasuk hipertensi (tekanan darah yang tinggi), angina (sakit dada), aritmia yang tertentu (gangguan ritma jantung), melindungi jantung setelah mengalami penginfarkan miokardium (serangan jantung), mencegah migrain, ketar-ketar primum, keresahan, penyakit tiroid yang tertentu (seperti tirotoksikosis, yang disebabkan oleh kelenjar tiroid yang terlalu aktif), kardiomiopati hipertrofik (otot jantung menjadi tebal) dan feokromositoma (tekanan darah yang tinggi akibat tumor yang biasanya berhampiran dengan ginjal).

Bagaimana tablet Inderal bertindak

Propranolol tergolong dalam kumpulan ubat yang digelar penyekat beta. Ia memberi kesan terhadap jantung dan peredaran darah dan juga terhadap bahagian-bahagian lain tubuh.

Sebelum mengambil tablet Inderal - Larangan

menggunakan ubat ini

Jangan ambil tablet

Inderal:

- Jika anda pernah mengalami asma atau nafas berdehit.
- Jika anda pernah mengalami tindak balas alergi terhadap propranolol atau mana-mana bahan-bahan kandungan lain yang tersenarai di dalam risalah ini (lihat seksyen *Bahan-bahan kandungan*).

Jika sebarang perkara di atas berkaitan dengan anda (atau anda ragu-ragu), sila berjumpa semula dengan doktor anda.

- Sebelum mula mengguna

Sila berhubung dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mengambil tablet Inderal:

- Jika anda menghidap kegagalan jantung yang tidak dikawal
- Jika anda sedang berpuasa atau yang baru sahaja berpuasa
- Jika anda menghidap feokromositoma (tekanan darah yang tinggi akibat tumor yang biasanya berhampiran dengan ginjal) yang tidak dirawat
- Jika anda menghidap asidosis metabolik
- Jika anda mengalami tindak balas alergi terhadap sengatan serangga
- Jika anda menghidap diabetes kerana tablet Inderal mungkin mengubah cara biasa anda bertindak balas terhadap gula darah yang rendah, yang biasanya menyebabkan kadar denyutan jantung meningkat. Tablet Inderal boleh menyebabkan aras gula darah yang rendah walaupun pada pesakit yang tidak menghidap diabetes.
- Jika anda menghidap angina tidak stabil (sakit

dada yang tidak dicetuskan oleh senaman) atau angina Prinzmetal

- Jika anda menghidap *thyrotoxicosis*. Tablet Inderal boleh menyembunyikan simptom-simptom *thyrotoxicosis*.
- Jika anda mengalami masalah ginjal atau hati (termasuk *liver cirrhosis*).
- Jika anda mengalami masalah kesihatan yang lain seperti gangguan peredaran udara, masalah jantung, sesak nafas atau pergelangan kaki yang bengkok.

- Mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengambil, atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat-ubatan lain termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi. Tablet Inderal boleh mengganggu tindakan sesetengah jenis ubat dan sesetengah jenis ubat boleh menjejaskan tindakan ubat anda.

Ubat yang boleh menimbulkan masalah apabila dimakan bersama ubat anda ialah:

- *Verapamil*
- *Diltiazem*
- *Nifedipine*
- *Nisoldipine*
- *Nicardipine*
- *Isradipine*
- *Lacidipine* (untuk merawat hipertensi atau angina)
- *Disopyramide*
- *Lidocaine*
- *Quinidine*
- *Amiodarone* atau *propafenone* (untuk merawat degupan jantung yang tidak sekata)
- *Digoxin* (untuk merawat kegagalan jantung)
- *Adrenaline* (perangsang jantung)
- *Ibuprofen* dan

TABLET INDERAL®

Propranolol hidroklorida 10 mg & 40 mg

- indometacin* (untuk merawat rasa sakit dan radang)
- *Ergotamine*, *dihydroergotamine* atau *rizatriptan* (untuk merawat migrain)
 - *Clorpromazine* dan *thioridazine* (untuk merawat gangguan psikiatri yang tertentu)
 - *Cimetidine* (untuk merawat masalah perut)
 - *Rifampicin* (untuk merawat tuberkulosis)
 - *Theophylline* (untuk merawat asma)
 - *Warfarin* (untuk mencairkan darah)
 - *Hydralazine* (untuk merawat hipertensi).
- hingga 320 mg
- Angina (sakit dada) – 120 mg hingga 240 mg
 - *Arrhythmia* (gangguan ritma jantung)* – 30 mg hingga 160 mg
 - Perlindungan jantung selepas serangan jantung – 160 mg
 - Pencegahan migrain* – 80 mg hingga 160 mg
 - *Essential tremor* – 80 mg hingga 160 mg
 - *Anxiety* – 40 mg hingga 120 mg
 - Penyakit *thyroid* yang tertentu (seperti *thyrotoxicosis*)* – 30 mg hingga 160 mg
 - *Hypertrophic cardiomyopathy* (otot jantung menjadi tebal) – 30 mg hingga 160 mg
 - *Phaeochromocytoma* – 30 mg hingga 60 mg

Sekiranya anda mengambil *clonidine* (bagi hipertensi atau migrain) bersama-sama tablet Inderal, jangan berhenti mengambil *clonidine* melainkan diarahkan oleh doktor. Jika anda perlu berhenti mengambil *clonidine*, doktor anda akan memberi anda arahan yang teliti tentang cara berhenti.

Cara mengambil tablet Inderal

- Jumlah yang perlu dimakan

Sentiasa ikut arahan doktor tentang waktu dan cara memakan tablet ini. Sila semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan. Bacalah label pada bekas ubat.

Label ini juga akan memberitahu anda bilangan tablet yang perlu dimakan dan waktu untuk memakannya. Tanyalah doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda kurang pasti. Jadual dibawah menunjukkan jumlah dos harian yang lazim ditentukan bagi orang dewasa:

- *Hypertension* (tekanan darah tinggi) – 160 mg

*Dalam keadaan tertentu, tablet Inderal boleh digunakan untuk merawat kanak-kanak yang menghidap penyakit-penyakit tersebut. Dos akan dilaraskan oleh doktor menurut usia atau berat badan kanak-kanak berkenaan.

Pesakit yang sudah lanjut usianya boleh dimulakan pada dos yang lebih rendah.

- Waktu untuk memakannya

Tablet Inderal hendaklah ditelan dengan segelas air. Doktor akan menentukan bilangan tablet Inderal yang perlu anda makan setiap hari bergantung pada keadaan anda.

- Tempoh menggunakan ubat ini

Jangan berhenti mengambil ubat ini tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

Dalam keadaan yang tertentu, anda mungkin perlu berhenti mengambil ubat ini secara beransur-ansur.

- Jika terlupa memakannya

Sekiranya anda terlupa memakan ubat ini, makanlah sebaik sahaja anda teringat. Kemudian makanlah dos yang seterusnya pada waktu yang biasa. Jangan makan dua dos pada waktu yang sama. Jika anda bimbang, mintalah nasihat dari doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil secara berlebihan (terlebih dos)

Propranolol adalah amat toksik jika terlebih dos. Sekiranya anda terlebih makan dos yang ditetapkan atau mempunyai

sumptom terlebih dos, sila dapatkan rawatan dengan segera.

Jika anda terlebih memakan ubat ini dengan tidak sengaja, sama ada hubungi doktor anda dengan segera, atau pergi ke jabatan kecemasan hospital yang terdekat. Bawa baki tablet, bekas dan labelnya bersama anda supaya ubat dapat dikenal pasti.

Semasa mengambil tablet Inderal

- Perkara yang perlu dilakukan

Ubat ini perlulah diambil sebagaimana yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Sekiranya anda dimasukkan ke hospital untuk menjalani pembedahan, maklumkan kepada pakar bius atau kakitangan perubatan bahawa anda ada mengambil tablet Inderal.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan

TABLET INDERAL®

Propranolol hidroklorida 10 mg & 40 mg

oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diawasi

Alkohol boleh menjejaskan cara tablet ini bertindak.

Tablet Inderal mengandungi laktos (lihat bahagian *Ramuan*). Jika anda pernah diberitahu oleh doktor bahawa anda tidak bertoleransi terhadap sesuatu gula, berhubung dengan doktor anda dahulu sebelum memakan tablet Inderal.

Tablet Inderal mengandungi sejumlah kecil *glycerol* (lihat bahagian *Ramuan*). *Glycerol* yang diberikan pada dos yang tinggi boleh menyebabkan sakit kepala, ketidakselesaan perut dan cirit-birit.

Memandu dan mengendalikan jentera:

Tablet Inderal tidak dijangka akan menjejaskan keupayaan anda memandu ataupun mengendalikan jentera. Walau bagaimanapun, sesetengah orang kadangkala

mungkin berasa pening atau letih apabila memakan tablet Inderal. Jika perkara ini berlaku kepada anda, mintalah nasihat doktor.

Mengandung, menyusukan bayi dan kesuburan: Jika anda mengandung atau menyusukan bayi, atau merasakan anda mengandung, atau merancang untuk mempunyai bayi, sila dapatkan nasihat doktor sebelum memakan tablet Inderal.

Kesan-kesan sampingan

Sama seperti semua ubat lain, kesan sampingan yang tidak diingini boleh berlaku dengan tablet Inderal.

Lazim berlaku (menjejaskan

kurang daripada 1 dalam setiap 10 pesakit):

- Jari tangan dan jari kaki terasa sejuk
- Jantung berdenyut dengan lebih perlahan
- Rasa kebas dan spasma pada jari, diikuti dengan rasa panas dan sakit (fenomena Raynaud)
- Tidak tidak nyenyak/mengigau
- Kelesuan

Tidak lazim berlaku

(menjejaskan kurang daripada 1 dalam setiap 100 pesakit):

- Cirit-birit
- Loya
- Muntah-muntah

Jarang-jarang sekali berlaku

(menjejaskan kurang daripada 1 dalam setiap 1000 pesakit):

- Kesukaran bernafas bertambah teruk, jika anda menghidap atau pernah menghidap asma (lelah)
- Sesak nafas dan/atau bengkak pada pergelangan kaki, jika anda juga menghidap kegagalan jantung
- Sekat jantung yang boleh menyebabkan denyutan jantung yang abnormal, pening, rasa letih atau pitam
- Pening terutamanya apabila bangun untuk berdiri
- Peredaran darah bertambah teruk, jika anda memang mengalami peredaran darah yang kurang baik
- Rambut gugur
- Perubahan mood
- Kekeliruan
- Hilang ingatan
- Psikosis atau halusinasi (gangguan minda)
- Kebas-kebas tangan
- Gangguan penglihatan
- Mata kering
- Ruam pada kulit, termasuk psoriasis yang bertambah teruk
- Lebih mudah mendapat

lebam (*thrombocytopenia*)

- Tompok-tompok ungu pada kulit (purpura)

Sangat jarang-jarang berlaku

(menjejaskan kurang daripada 1 dalam setiap 10000 pesakit):

- Lemah otot yang teruk (miastenia gravis)

Tidak diketahui

- Kemurungan

Aras gula yang rendah di dalam darah boleh berlaku pada pesakit yang menghidap diabetes ataupun tidak, termasuk bayi yang baru lahir, kanak-kanak, pesakit lanjut usia, pesakit yang menggunakan ginjal buatan manusia (menjalani hemodialisis) atau pesakit yang memakan ubat diabetes. Ini boleh juga berlaku pada pesakit yang sedang berpuasa atau baru sahaja berpuasa, atau pada pesakit yang menghidap penyakit hati jangka panjang.

Mungkin berlaku perubahan pada sesetengah sel darah atau bahagian lain darah. Doktor mungkin akan mengambil sampel darah anda sekali-sekala untuk menentukan sama ada tablet Inderal ada kesan terhadap darah anda.

Janganlah terkejut dengan senarai kejadian yang boleh berlaku ini. Anda mungkin tidak akan mengalami mana-mana daripadanya.

Jika anda mengalami mana-mana kesan yang tidak diingini atau jika anda fikir ubat anda menyebabkan masalah, beritahu doktor atau ahli farmasi.

Cara penyimpanan dan pelupusan tablet Inderal

- Penyimpanan

TABLET INDERAL®

Propranolol hidroklorida 10 mg & 40 mg

Lihat tarikh luput pada karton dan jangan gunakan ubat ini selepas tarikh tersebut.

Simpan ubat ini di tempat yang selamat, jauh daripada pandangan dan capaian kanak-kanak. Ubat ini boleh memudaratkan mereka.

Simpan ubat anda pada suhu yang kurang daripada 30 °C dan jauh daripada cahaya yang kuat dan kelembapan.

- Pelupusan

Sila semak dengan ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat anda.

Keterangan tentang produk

- Rupa dan warna tablet Inderal

Tablet Inderal boleh didapati dalam dua kekuatan:

- Tablet bersalut Inderal 10 mg berwarna merah jambu, bulat, dwicembung, terkesan dengan '10' pada satu permukaan dan garisan skor pada permukaan terbalik. Diameter setiap tablet bersalut adalah kira-kira 6.5 mm.
- Tablet bersalut Inderal 40 mg berwarna merah jambu, bulat, dwicembung, terkesan dengan '40' pada satu permukaan dan garisan skor pada permukaan terbalik. Diameter setiap tablet bersalut adalah kira-kira 8.5 mm.

Tablet Inderal 10 mg dan Inderal 40 mg dihasilkan dalam pek blister berisi 10 tablet.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: Bahan aktif di dalam tablet Inderal ialah *propranolol*.

- Setiap 10 mg Tablet Inderal mengandungi 10 mg propranolol
- Setiap 40 mg Tablet Inderal mengandungi 40 mg propranolol

Bahan-bahan tidak aktif:
Bahan-bahannya yang lain ialah *calcium carboxymethylcellulose*

USNF, carmine BPC (E120), gelatin Ph Eur. (E441), glycerol Ph Eur. (E422), laktosa Ph Eur., magnesium stearat Ph Eur., *hypromellose* Ph Eur. (E464) dan titanium dioksida Ph Eur. (E171).

- Nombor MAL

10 mg: MAL19870030ACZ
40 mg: MAL19870042ACZ

Pengilang

Fourrts (India)
Laboratories Pvt.
Ltd.

No.23 Plant II,
Venkatamangalam,
Chennai, 600127,
India

Tarikh kemaskini RiMUP

31 Mei 2024
(berdasarkan PI Doc ID-
001048842 v5)

Nombor siri

NPRA (R1/3) 24072024/139